

26/09/2001

Konsert Ria Muzika hibur 1,000 banduan Penjara Penor

HAMPIR 1,000 penghuni Penjara Penor, Kuantan, terhibur dengan persembahan artis Muzik Segar Embun (MSE) iaitu Norhaslia, Shamrin dan Raza melalui Konsert Ria Muzika yang diadakan di penjara itu, baru-baru ini.

Konsert muzikal sulung itu anjuran bersama Kelab Sahabat Penjara Malaysia dan Radio 1, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dijayakan beberapa artis terkenal lain seperti Jalil Hamid, Anis Suraya dan kumpulan Grand.

Tirai persembahan dibuka dengan nyanyian Norhaslia dengan lagu barunya Asmara Berduri, diikuti celoteh dan aksi lucu pelakon dan pelawak popular, Jalil Hamid sebelum dia menyanyikan lagu poplarnya, Ayam.

Anis Suraya yang pernah menjuarai pertandingan Voice of Asia di Kazakhstan juga berjaya menghiburkan penonton dengan lagu dangdut, Penangan Asmara.

Selain itu, tiga artis MSE berkenaan turut berduet menyampaikan sebuah lagu yang dicipta khas untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu Kita Adalah Kita.

Kata Pengurus Promosi MSE, Ramlan Ghazali, lagu berkenaan berunsur patriotik yang cuba mengajak remaja dan peminat seni menghargai perjuangan Perdana Menteri, selain untuk memperjuangkan semangat kenegaraan artis itu sendiri.

Lagu berkenaan akan dimuatkan dalam album eksklusif kompilasi artis MSE yang dijadualkan pengedarannya pada pertengahan bulan depan dan penghuni Penjara Penor adalah pendengar pertama yang dihiburkan dengan lagu berkenaan," katanya, ketika ditemui selepas konsert itu.

Konsert yang bermula jam 2.30 petang itu turut disaksikan Penguasa Kanan Penjara Penor, Alzafri Mohamed Alnasiff Mohd Adahan; Penolong Penguasa Penjara Penor, Mohd Arshad Ismail dan Pengarah Penyiaran RTM, Pahang, Bibi Mohidin.

Pada akhir persembahan, artis dan penghuni penjara turut menyanyikan lagu Selamat Hari Jadi untuk Shamrin yang meraikan hari jadi ke-35 pada hari itu.

(END)